

**TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA  
TEMPAT LETAK KERETA HONEYWELL AEROSPACE AVIONICS  
PERAI  
9 OGOS 2012 (Khamis)**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Tuan Inspektor Tan Tee Chua**  
Ketua Polis Daerah SPT

**Yang Dihormati Puan Susila a/p Albonse**  
Pegawai PERKESO

**Yang Berusaha En. Mior Khairul Rizal Bin Mior Ahmad**  
Pegawai Jabatan Keselamatan Jalan Raya

**Yang Dihormati Encik Ching Eng Leong**  
Penyelaras Program Kempen Keselamatan Jalan Raya

**Yang Dihormati Managing Directors**  
Kilang-kilang yang mengambil bahagian

**Yang Dikasihi Ketua-Ketua Jabatan MPSP**

**Seluruh kakitangan Zon S15A.**

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian,

---

**ASSALAMUALAIKUM WBTH, SELAMAT PAGI DAN SALAM  
SEJAHTERA.**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan  
dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengajur

Kempen Keselamatan Jalan Raya di Kawasan Perusahaan Bebas ini. Terima kasih En. Ching Eng Leong sebagai Pengurus Keselamatan Zon S15A yang telah berjaya menjayakan program sebegini di kawasan ini.

Saya difahamkan terdapat 7 buah syarikat yang terlibat secara langsung dalam kempen ini iaitu:

- Akty Technologies Sdn. Bhd.
- Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn. Bhd.
- Kelpen Plastics Technology Sdn. Bhd.
- Mattel Malaysia Sdn. Bhd.
- Rubicon Sapphire Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd.
- UOP Malaysia Sdn. Bhd.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kawasan Zon Perindustrian Bebas atau FTZ ini merupakan satu kawasan kawalan dan MPSP telah dilantik dibawah Akta Zon Bebas 1990 untuk menyelenggara dan menyediakan kemudahan di zon bebas ini sebagai contoh pagar-pagar keselamatan dan kawalan pos masuk ke zon bebas. Sebagai pihak PBT yang menguruskan

kawasan FTZ ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kilang yang telah pun berjaya membentuk satu "Community Engagement" bersama MPSP dalam menjaga kebersihan dan keselamatan Zon ini. Kita alu-alukan usaha sebegini daripada zon-zon yang lain juga.

Kebersihan, kehijauan dan keselamatan merupakan fokus utama MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua komuniti Seberang Perai. Usaha kita ke arah "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang" tidak akan tercapai sekiranya tidak ada bantuan daripada semua pihak dan stakeholders di seluruh Seberang Perai.

Dengan pembangunan yang pesat dan pertumbuhan kilang-kilang, kita telah menerima banyak pekerja asing dan tempatan yang masuk ke Seberang Perai untuk memberikan perkhidmatan mereka kepada industri tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya menyeru agar pekerja-pekerja ini didedahkan dengan peraturan-peraturan dan tatacara yang betul terutamanya dalam aspek kebersihan.

MPSP sentiasa bersedia untuk memberikan pendidikan berkenaan isu kebersihan dan keselamatan tidak hanya tertumpu di dalam kawasan kilang atau FTZ sahaja bahkan juga di tempat tinggal mereka. Saya

berharap agar semua pekerja di FTZ ini tidak sewenang-wenangnya membuang sampah merata tempat dan tidak mengotorkan kawasan tempat tinggal mereka. Perkara sebegini perlu disampaikan kepada semua kakitangan dengan cara yang terbaik supaya kita akan bersama-sama menjadikan Seberang Perai ini bersih, indah dan selesa untuk didiami. Untuk pekerja asing terutamanya, saya mencadangkan agar pekerja asing ini diberi taklimat khusus berkenaan isu ini dalam bahasa ibunda mereka supaya mesej ini akan dapat disampaikan dengan jelas.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk pengetahuan dan makluman semua, MPSP telah menaik taraf pagar keselamatan, jalan raya, parit dan rumah pam di kawasan FTZ ini bermula tahun 2009 dan siap pada November 2011. Saya berharap agar semua pekilang-pekilang dapat bekerjasama dalam menjaga infrastruktur sedia ada ini dengan baik.

Di samping itu, dalam perjumpaan pekilang dengan saya baru-baru ini, saya telah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa syarikat yang berhasrat untuk membuat CSR dan saya mencadangkan setiap kilang mengambil kawasan-kawasan tertentu sebagai anak angkat dan

dicadangkan di adakan pertandingan lanskap dalam kawasan FTZ ini sekaligus kawsan FTZ ini akan menjadi contoh kepada yang lain. Untuk makluman, dalam bulan Jun baru-baru ini, Sunway Properties telah menaja tong sampah untuk diletakkan di sekitar bandar Sunway dan juga Pearl View Hotel juga menaja lampu-lampu hiasan untuk diletakkan di pokok-pokok di sekitar Jalan Baru. Kedua-dua syarikat ini akan menjalankan penyelenggaraan bagi tempoh 5 tahun. Ini merupakan salah satu usaha yang ditunjukkan oleh syarikat korporat bersama-sama MPSP dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai kawasan yang dibanggakan.

Syarikat lain yang turut mengambil bahagian dalam program kehijauan atau lanskap ini adalah pihak SPEAD di mana syarikat ini telah menaja CSR lanskap di Taman Tunku, Syarikat MMC Gamuda telah menaja CSR Lanskap Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang telah menaja CSR lanskap di Taman Rekreasi Bukit DO, Bukit Mertajam. Oleh itu, saya berharap agar program sebegini akan dapat dijalankan di kawasan FTZ ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Setiap kilang di FTZ ini mempunyai sebuah kantin dan saya menyeru agar pihak pengurusan kilang mengumpul sisa-sia dapur kantin ini untuk dijadikan bahan kompos. Ini sekaligus dapat menjimatkan wang yang dibelanjakan untuk melupuskan sampah ke tapak pelupusan.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian,pada tahun ini, Syarikat Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif membuat mud ball sebanyak 7000 biji untuk menjernihkan Sungai Juru .Terima kasih kepada pihak Sony.

Di samping itu, Southern Steel juga telah mengambil inisiatif menanam pokok di sekitar kilang mereka. Saya dimaklumkan sebanyak 1100 batang pokok telah berjaya ditanam oleh kakitangan mereka sendiri dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dan MPSP ke arah “Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang”. Syabas saya ucapkan.

Lima buah sekolah rendah telah menyahut cabaran MPSP dalam program “Zero Waste” dan beberapa taman perumahan juga telah melaksanakan program taman hijau dan bersih. Program Anugerah

Sekolah Hijau merupakan satu program yang telah dianjurkan oleh MPSP dan mengikut statistik, pada tahun 2010, MPSP telah menerima penyertaan sebanyak 30 buah sekolah, tahun 2011 sebanyak 36 buah sekolah dan pada tahun 2012 ini, kita telah menerima penyertaan sebanyak 52 buah sekolah. Satu peningkatan yang cukup baik.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya berharap pihak industri juga akan bersama-sama MPSP dalam melaksanakan program zero waste dan industri hijau. Saya berharap Zon S15A ini akan menjadi contoh kepada zon lain dan juga kepada semua industry di seluruh Pulau Pinang dan Malaysia khususnya dalam program sebegini iaitu eko-komuniti bersama MPSP dan orang ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Selain daripada kebersihan dan kehijauan, kita juga ada membuat program-program rekreasi bersama komuniti seperti aerobik yang diadakan setiap bulan minggu pertama dan ketiga dan pada bulan ini akan diadakan pada 26 Ogos 2012 di Taman Tugu. MPSP juga ada menganjurkan program Pertandingan MPSP Green Run pada 26 Ogos 2012 di perkarangan sekitar MPSP. Saya menjemput pihak kilang bersama-sama dengan MPSP bagi menjayakan program ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berkenaan program “Community policing”, saya berpendapat ini merupakan satu cara yang terbaik untuk meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan ini terutamanya semasa musim perayaan. Usaha ini patut dipuji dan syabas diucapkan kepada semua kilang yang terlibat.

Untuk makluman semua, MPSP juga bekerjasama dengan pihak sekolah serta pihak Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd. dalam program “Kempen Keselamatan Jalan Raya” dimana para pelajar didedahkan dengan aspek-aspek keselamatan di jalan raya.

Pada pendapat saya, “Kalau Hendak Melentur Buluh, Biarlah Dari Rebungnya”, dan oleh kerana peribahasa inilah, saya merasakan pendidikan awal itu amat penting supaya pelajar ini dapat lebih memahami dan mempraktikkannya pada masa hadapan.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya ini dengan wabillahitaufilwalhidayahwasalamualaikum dan terima kasih.